

06/09/2002

Belum masa generasi kedua tadbir Felda

Khairul Anwar Rahmat

SAMBIL menikmati jamuan minum petang sebaik tamat acara perasmian penutup Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda baru-baru ini, penulis berkesempatan menemu bual Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam dan Pengerusi Felda, Tan Sri Yusof Noor.

Perbualan dengan dua tokoh yang berkait rapat dengan Felda itu berkisar kepada perhimpunan yang baru berlangsung, terutama gesaan generasi kedua Felda yang mahu diberi lebih peluang mengurus dan mentadbir tanah rancangan Felda.

Sebagai menteri Kabinet, Kasitah sedar bahawa setiap tutur katanya mempunyai implikasi tertentu dan mungkin dianggap mencerminkan pendirian kerajaan. Lalu, beliau memilih untuk berhati-hati dalam menjawab setiap pertanyaan yang dikemukakan.

Malah, beliau hanya membuat kenyataan umum ketika diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan mungkin menubuhkan syarikat khas untuk menguruskan tanah rancangan Felda yang terbiar di seluruh negara.

Pendirian Kasitah ketika menjawab pertanyaan wartawan adalah wajar dan memperlihatkan kebijaksanaannya.

Ini kerana pengumuman mengenai perkara itu baru dibuat kira-kira lima jam lalu, iaitu ketika sidang akhbar Perdana Menteri selepas upacara perasmian pada sebelah pagi.

Beliau mungkin memerlukan sedikit masa untuk mendalami cadangan itu, memperhalusinya pada peringkat kementerian dan jabatan sebelum membentangkan seterusnya mendapatkan persetujuan Kabinet.

Sebaliknya, Yusof lebih bersedia untuk berterus terang. Kedudukannya sebagai Pengerusi Felda menyebabkan beliau memahami apa yang sedang bergolak dalam jiwa setiap anak peneroka Felda.

Daripada nada jawapannya, beliau nampaknya arif benar mengenai apa yang sebenarnya dimahukan oleh peserta simposium.

Ketika ditanya mengenai hasrat sesetengah peserta yang mahu syarikat itu ditadbir sepenuhnya oleh anak peneroka, beliau pantas menjawab "belum sampai masanya".

"Semangat itu (menubuhkan syarikat) memang baik. Ia menunjukkan keinginan memberi sumbangan (kepada masyarakat peneroka). Bagaimanapun, kita perlu cari jalan terbaik supaya ia tidak dilihat mengehadkan pentadbiran kepada satu golongan saja," katanya.

Hakikatnya, tanah rancangan Felda sudah berusia 45 tahun. Dalam tempoh itu, ia sudah memberi manfaat kepada lebih sejuta penduduk luar bandar.

Hingga kini, 304 tanah rancangan dibuka membabitkan lebih 500,000 hektar tanah di seluruh negara. Dengan jumlah yang begitu besar, Felda berjaya membuat perubahan ketara kepada ekonomi negara melalui hasil pertaniannya.

Dalam pada itu, puluhan ribu anak peneroka berjaya mendapat pendidikan tinggi dan berjaya dalam kehidupan masing-masing.

Perangkaan terbaru menunjukkan kira-kira 50,000 daripada anak Felda berjaya menjadi profesional pelbagai bidang sama ada sebagai doktor, peguam, pegawai kanan kerajaan dan ahli korporat. Pada masa sama, seramai 10,000 lagi anak peneroka Felda sedang meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Justeru, penghijrahan anak generasi kedua peneroka Felda ke bandar adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Selain kekurangan peluang pekerjaan, sebahagian besar daripada mereka kini menjawat tugas penting di

jabatan kerajaan dan syarikat swasta.

Perkembangan ini menyebabkan sebahagian besar daripada anak peneroka tidak pulang meneruskan kerja di ladang kelapa sawit atau getah yang diusahakan ibu bapa mereka selama ini.

Menyedari hakikat ini, Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) mengambil daya usaha menghimpunkan anak peneroka dari seluruh negara bagi membincangkan hala tuju dan fungsi Felda pada alaf baru.

Bagi GWGF, pembabitan warga korporat dan profesional dari kalangan anak peneroka diyakini mampu menghasilkan rumusan mantap bagi mengukuhkan perancangan Felda pada masa depan.

Sesuai dengan tema simposium 'Pembangunan Berterusan Generasi Felda', GWGF nampaknya begitu gigih memperjuangkan pandangan betapa pembabitan semua pihak, terutama anak peneroka mampu meningkatkan keupayaan Felda dalam bidang ekonomi.

Pengumuman Perdana Menteri mengenai kemungkinan syarikat khas ditubuhkan untuk mengurus dan mengusahakan tanah rancangan terbiar di seluruh negara adalah sesuatu yang ditunggu-tunggu selama ini.

Rata-rata generasi pewaris Felda menganggap rancangan itu sebagai langkah bijak dan tepat bagi memastikan kebanyakan daripada 304 tanah rancangan itu tidak terabai.

Malah, ketika ini pun ramai pendatang asing terpaksa diambil bekerja di ladang berkenaan walaupun sesetengah pihak menyifatkan langkah itu sebagai kurang bijak. Ini kerana pergantungan kepada tenaga asing mungkin menerbitkan pelbagai ancaman pada jangka panjang.

Lebih membimbangkan, banyak tanah rancangan Felda kini terbiar atau dijual kepada pihak lain kerana generasi baru Felda tidak cenderung meneruskan kerja sebagai peneroka yang dulunya dilakukan ibu bapa mereka.

Justeru, cadangan menubuhkan syarikat itu adalah langkah proaktif bagi memastikan ladang tetap mengeluarkan hasil sawit dan getah berkualiti, selain membantu peneroka memiliki tanah dan memperoleh pendapatan stabil tercapai.

Mengulas perkara ini, Pengerusi Biro Pembelaan Masyarakat Pemuda Umno, Ismail Sabri, berkata pihaknya berharap perancangan yang dibuat mengambil kira kebajikan peneroka yang juga pemilik tanah berkenaan.

"Hendaknya usaha itu mencapai kejayaan sebagaimana 39 syarikat ditubuhkan oleh Felda sebagai sebuah perbadanan yang bergiat dalam bidang perindustrian, perkhidmatan, pembinaan dan perladangan.

"Saya difahamkan sehingga Februari 2002, syarikat terbabit dengan kegiatan hiliran Felda itu mengaut keuntungan RM102 juta. Sayangnya peneroka tidak menikmati sama keuntungan itu walaupun kegiatan syarikat berkenaan adalah kesan langsung daripada sumbangan peneroka dan pembangunan tanah," katanya.

Kebimbangan Ismail itu memang berasas kerana beliau sendiri pernah mengetuai Jawatankuasa Bertindak Menangani Masalah Felda yang ditubuhkan Pemuda Umno tidak berapa lama dulu.

Beliau sering turun padang di kawasan rancangan Felda bagi meninjau dan merangka penyelesaian permasalahan dihadapi masyarakat peneroka baik dari segi ekonomi, sosial dan pendidikan.

Justeru, beliau mengalu-alukan rancangan menubuhkan syarikat khas bagi menangani masalah tanah rancangan terbiar di seluruh negara.

Bagaimanapun, permintaan segelintir peserta simposium supaya syarikat berkenaan ditadbir sepenuhnya oleh anak peneroka perlu diteliti.

Memetik kata Yusof, pihaknya belum sampai ke peringkat menyerahkan seratus peratus kepemimpinan Felda kepada generasi kedua.

Ini kerana, katanya, pembabitan semua pihak tanpa menghadkan kepada golongan tertentu masih diperlukan untuk meneruskan kejayaan Felda pada masa depan.

